



“TANGGUNGJAWAB MUSLIM TERHADAP AMANAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ
إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا
بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ ^{قُلْ} إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا
بَصِيرًا.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Marilah kita sama-sama bertaqwa kepada Allah, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dengan demikian, mudah-mudahan kita berjaya di dunia dan di akhirat.

Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk:
"TANGGUNGJAWAB MUSLIM TERHADAP AMANAH".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Amanah merupakan salah satu sifat yang wajib bagi sekalian rasul. Sifat amanah juga merupakan salah satu elemen terpenting dalam setiap diri seorang muslim. Manakala hukum menunaikan amanah adalah wajib, sedangkan mengkhianatinya adalah haram.

Hadis daripada Anas Bin Malik R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda :

لَا إِيمَانَ لِمَنْ لَا أَمَانَةَ لَهُ، وَلَا دِينَ لِمَنْ لَا
عَهْدَ لَهُ

"Tidak sempurna iman bagi orang yang tidak amanah dan tidak sempurna agama bagi orang yang tidak menepati janji".

(Riwayat Ahmad)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam Islam, amanah memiliki makna yang memenuhi satu pengertian bahawa setiap orang merasakan Allah sentiasa menyertainya dalam setiap urusan yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Maksudnya seseorang itu



melaksanakan apa yang ditugaskan kepadanya tanpa melakukan sebarang unsur-unsur penyelewengan dan tipu daya.

Allah mengangkat martabat orang yang melaksanakan amanah. Manakala hubungan antara manusia dengan manusia akan kekal terjaga, selama mana amanah tersebut terpelihara. Begitu juga dalam sesebuah negara, jika pemerintah sebagai pemegang amanah menjaga baik kemaslahatan rakyatnya, maka negara akan makmur dengan program-program yang berteras kebajikan.

Kondisi sedemikian menunjukkan bahawa salah satu cara untuk membangunkan masyarakat bercirikan keadilan adalah orang-orang yang selalu memelihara amanah yang diberikan Allah kepada manusia. Justeru, kita sama sekali tidak boleh lupa untuk merujuk kepada tokoh yang paling amanah dalam sejarah manusi iaitu para Nabi dan Rasul 'Alaihimus Salam.

Mereka adalah contoh yang seharusnya menjadi tokoh-tokoh pegangan kita. Mereka bukan sahaja menjalankan perintah Allah secara amanah, bahkan juga melaksanakan urusan manusia secara saksama. Maka, tidak hairanlah apabila Allah SWT memaparkan banyak kisah-kisah mereka diceritakan dalam Al-Quran sebagai model umat sepanjang zaman.

Sifat mulia pada diri Rasulullah sebagai contoh pemimpin umat manusia, amat terserlah dalam banyak perkara. Antaranya periwayatan yang dinaqalkan oleh Imam Ibn Jarir Al-Tabari bahawa Abu Jahal dan Walid Bin Al-Mughirah pernah berbincang mengenai keperibadian Rasulullah. Maka Abu Jahal berkata, " Sejak usia remajanya lagi kami sudah memanggil Muhammad sebagai Al-Sadiq Al-Amin".



Sifat "Al-Sadiq Al-Amin" yang bersinar pada diri Rasulullah turut menjadi kesaksian pemimpin empayar terbesar ketika itu. Dalam dialog Raja Rom dengan Abu Sufyan, bahawa Raja Rom bertanya kepada Abu Sufyan, "Apa yang diperintahnya (Rasulullah) kepada kaum kamu?", jawab Abu Sufyan, "Dia memerintahkan kami bersembahyang, bersikap jujur, menahan diri dari perkara haram, melaksanakan janji dan menunaikan amanah".

Mendengar jawapan Abu Sufyan tersebut, Raja Rom pun berkata, "Itu adalah sifat seorang Nabi".

Jelas sekali amanah itu adalah sifat istimewa bagi para pemangku risalah sehinggakan ia turut menjadi 'qudwah' para pengganti selepas Rasulullah, seperti Abu Bakar As-Siddiq, Umar Al-Khattab dan lain-lain lagi. Mereka inilah yang menggalang-ganti tugas kepimpinan Rasulullah SAW dalam memelihara agama dan mentadbir dunia dengan amanah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Amanah tidak boleh dipandang remeh, ia merupakan suatu kewajipan yang telah dipikulkan kepada setiap umat manusia sejak azali lagi. Sebagaimana firman Allah yang dibaca pada muqaddimah tadi iaitu ayat 58, surah An-Nisa' yang bermaksud :

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran Yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat".



Sebagai contoh, jika kepincangan berlaku dalam pentadbiran sesebuah kerajaan, ia akan mengakibatkan pengagihan dana kemudahan asas menjadi tidak seimbang dan kelemahan urus tadbir akan berleluasa.

Sesungguhnya kepimpinan dalam keluarga juga penting sebagai asas yang kukuh sebagai benteng untuk berhadapan dengan berleluasanya gejala keruntuhan akhlak di kalangan generasi muda.

Semuanya itu adalah bertitik tolak kepada nilai amanah yang dilaksanakan oleh setiap lapisan masyarakat di semua peringkat. Ketahuilah bahawa kemungkaran itu bukan sekadar terhad kepada segala jenis perbuatan dosa yang dilakukan, tetapi pengabaian terhadap amanah juga merupakan salah satu dosa yang menjatuhkan seseorang ke lembah api neraka.

Hadis daripada Abdullah Ibn. Amr bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقُوتُ

"Cukuplah seseorang itu berdosa apabila dia mengabaikan tanggungjawab orang yang wajib dinafkahi (tidak amanah)".

(Riwayat Abu Daud)

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Kita haruslah sentiasa beringat bahawa di kanan dan kiri kita sentiasa ada malaikat yang setia memerhatikan amalan kebaikan dan kejahatan kita tanpa sedikit pun akan terleka. Keyakinan itulah nilai takwa yang sewajarnya dipupuk oleh setiap individu muslim yang menggalas beban amanah.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Infitar ayat 10-12 :



وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ ۝ كِرَامًا كَاتِبِينَ ۝
يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ ۝

"Padahal sesungguhnya, ada malaikat-malaikat Yang menjaga dan mengawas Segala bawaan kamu, (Mereka adalah makhluk) Yang mulia (di sisi Allah), lagi ditugaskan menulis (amal-amal kamu), Mereka mengetahui apa Yang kamu lakukan".

Sidang jumaat yang dirahmati Allah,

Dalam pembangunan Negara, peranan agama adalah terasa sangat penting. Hanya dengan undang-undang sahaja tidak mampu membentuk perilaku seseorang supaya bersikap amanah. Tetapi ada manusia yang dengan kepintarannya tidak pernah kehabisan muslihat untuk melepaskan diri daripada hukuman. Dengan adanya pemisahan antara undang-undang dan agama, manusia boleh sahaja melakukan perbuatan-perbuatan keji dan tidak berakhlak, sekalipun ianya dianggap sah menurut undang-undang.

Sedangkan di dalam Islam, umatnya diajar bahawa urusan amanah tidak berakhir di dunia sahaja. Setinggi manapun kebijaksanaannya, sekebal manapun kedudukannya, kita tetap akan diadili oleh Allah S.W.T. di akhirat kelak.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَلَا تَحْسَبَنَّ اللَّهَ غَافِلًا عَمَّا يَعْمَلُ
الظَّالِمُونَ ۚ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ
الْأَبْصَارُ ﴿٤٢﴾

"Dan janganlah Engkau (Wahai Muhammad) menyangka Allah lalai akan apa Yang dilakukan oleh orang-orang Yang zalim; Sesungguhnya ia hanya melambatkan balasan mereka hingga ke suatu hari Yang padanya terbeliak kaku pemandangan mereka, (kerana gerun gementar melihat keadaan Yang berlaku)".

(Surah Ibrahim : 42)



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لِيَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ
لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir dan miskin serta



mereka yang mewakafkan dan menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.